

SMK Mutiara Terima Dua Anugerah Teknologi Pendidikan Peringkat W.P. Labuan 2019



Labuan, 20 Nov – Seramai 5 murid SMK Mutiara menerima penghargaan dalam Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan peringkat Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2019 yang diadakan di bangunan Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) yang berlangsung pada 19 November 2019.

Mereka yang menerima penghargaan hari ini ialah Adik Darryiell Karllen, Adik Melvane Chew, Adik Amberly Shannon Koh, adik Connie Yap dan adik Nur Hamisha binti Hamdan yang telah berjaya menjadi Johan dalam pertandingan National ICT Security Discourse (NICTSeD) CyberSAFE Challenge Trophy peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang telah diadakan pada Julai lalu.

NICTSeD merupakan salah satu program keselamatan cyber di

sekolah yang bertujuan untuk mendidik serta mempertingkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu-isu teknologi dan sosial yang dihadapi oleh para pengguna internet terutamanya mengenai bahaya semasa berada atas talian (online).

Mereka telah menerima sebuah tropi dan sijil penghargaan individu atas kejayaan ini. Adik Darryl yang ditemui telah melahirkan rasa gembira atas penghargaan ini dan menjadi pencetus semangat untuk melaksanakan yang lebih baik dalam pertandingan tahun depan.



Gambar Kenangan : Tuan Haji Shafruddin, Encik Raisin Saidin, Encik Mohd Nizam bersama Guru Penyelaras Bestari dan Pelajar SMK Mutiara

Pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim turut mengucapkan tahniah kepada murid-murid yang menerima penghargaan hari ini dan telah mengharumkan nama sekolah.

“Peranan guru ialah sebagai pembimbing murid-murid dalam apapun aktiviti yang diceburi. Mereka membuka ruang, memberi peluang kepada murid dalam proses membentuk kemenjadian murid secara holistik. Guru-guru perlu bersungguh-sungguh dalam usaha mengangkat

martabat dan harga diri murid melalui pelibatan dalam aktiviti luar bilik darjah” Encik Mohd Nizam Yasim.

Mereka juga telah mewakili W.P. Labuan ke peringkat kebangsaan pada Jun lalu di Pahang namun hanya mampu meraih saguhati sahaja.

Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan anjuran Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan Negeri kali ini telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), KPM, Tuan Haji Shafruddin bin Haji Ali Hussin.

Turut hadir di majlis ini ialah Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin, Ketua Penolong Pengarah SSTP, Encik Ag Marten bin Haji Abdul Rahman, Pegawai Teknologi Maklumat, SPMICT, Encik Mohd Nazrien bin Abdul Rahman.

Berita Oleh : SMK Mutiara